



Press Release

MAJLIS PENYERAHAN PENGGUNAAN PUSAT LATIHAN PERTANIAN SINAUT, JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN KEPADA UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tutong, Selasa 15 Jun 2021:

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini telah meneroka sejarah baru dengan menerima kampus tambahan di Majlis Penyerahan Penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Surat Penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Dayang Hajah Masliana Yuliah binti Abdullah kepada Rektor UNISSA, Yang Mulia Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sebelum majlis penyerahan disempurnakan, Yang Mulia Rektor UNISSA memberikan sedikit ucapan alu-aluan antara lain “_____”.

Dengan penyerahan penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut ini, UNISSA sekaligus memperkenalkan penubuhan Fakulti Pertanian yang merupakan aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah Baginda semasa keberangkatan lawatan tidak berjadual ke UNISSA pada 12 Oktober 2020.

KDYMM dalam titah Baginda menyarankan untuk UNISSA menubuhkan Fakulti Pertanian kerana ia akan memberikan UNISSA satu keunikan sebagai universiti Islam di rantau ini yang menitikberatkan penggabungan sektor pertanian dalam pengajaran Islam demi kepentingan dan survival negara.

Penggunaan Pusat Latihan Pertanian Sinaut sebagai Kampus UNISSA, Sinaut dijangka akan mula beroperasi pada semester II, sesi akademik 2021/2022 iaitu pada bulan Januari 2022 dengan penawaran beberapa program Prasiswazah dan Siswazah di bawah Fakulti Pertanian (FP) dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT) serta bahagian-bahagian lain seperti Perpustakaan, Pusat Teknologi dan Multimedia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Pejabat Estet.

Dalam majlis penyerahan berkenaan juga, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menandatangani Plak penyerahan Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan sempat membuat tinjauan ke beberapa buah bilik serta turut menyaksikan pameran berkaitan Fakulti Pertanian dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA. Pameran antara lain memaparkan pencapaian akademik kedua-dua fakulti dan pusat berkenaan, aktiviti-aktiviti dan penyelidikan yang telah dijalankan serta perancangan di masa akan datang.

Antara objektif Majlis Penyerahan tersebut ialah untuk memperkenalkan penubuhan Fakulti Pertanian, UNISSA dan Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban yang akan beroperasi di Kampus Pusat Latihan Pertanian Sinaut dan memberigakan usaha yang dilaksanakan oleh UNISSA dengan kerjasama pihak-pihak berkenaan demi melancarkan lagi proses penaiktarafan Kampus Pusat Latihan Pertanian Sinaut.

Turut hadir menyaksikan majlis penyerahan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) YM Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Pegawai-Pegawai Kanan KSSUP dan UNISSA.